

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25 / 8 / 2008

Penurunan harga minyak mencukupi – Dr. Mahathir

TRONOH 24 Ogos – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menganggap penurunan harga minyak antara lapan sen hingga 22 sen mulai semalam seperti yang diumumkan oleh kerajaan sudah mencukupi.

Katanya, rakyat perlu memahami rasional tindakan kerajaan itu dan tidak perlu meminta supaya harga minyak diturunkan lagi.

“Penurunan harga bahan api antara lapan hingga 22 sen seliter adalah mencukupi dan saya ramalkan harga tersebut tidak akan diturunkan lagi dalam masa terdekat ini,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen Kelapan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Seri Iskandar di sini hari ini.

Mulai Sabtu lalu, harga runcit petrol

um - 25/8/2008
RON97 turun sebanyak 15 sen daripada RM2.70 seliter kepada RM2.55 seliter, manakala RON92 dikurangkan 22 sen iaitu daripada RM2.62 seliter kepada RM2.40 seliter. Harga diesel pula turun lapan sen daripada RM2.58 seliter kepada RM2.50 seliter.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan perlu berhati-hati dalam penurunan harga mi-

nyak bagi mengelak implikasi lain yang mungkin timbul daripada tindakan tersebut.

Beliau yang juga Penasihat Petronas berkata, sekiranya harga minyak dinaikkan agak tinggi ia tidak mungkin diturunkan terlalu banyak.

“Kalau naik banyak, turun payahlah,” katanya.